

10 AUG 2002

Mahathir-Perak

DR MAHATHIR TIBA DI TANJONG MALIM UNTUK LAWATAN SEHARI KE PERAK

TANJONG MALIM, 10 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di sini hari ini untuk lawatan sehari ke negeri Perak.

Ketibaan beliau dengan sebuah helikopter disambut oleh Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dan Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Ir. Dr Mohammad Noor Salleh.

Turut hadir Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Zainal Abidin Zin, Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan Datuk Mahadzir Mohd Khir, ahli-ahli mesyuarat kerajaan negeri dan pegawai-pegawai UPSI.

Dr Mahathir akan mendengar taklimat pembangunan institusi pendidikan perguruan tertua di negara ini sebelum mengadakan dialog dengan para kakitangan dan pelajar.

Beliau dan rombongan kemudiannya akan berlepas ke Ipoh dengan helikopter dengan Perdana Menteri dijadual mengadakan perjumpaan tertutup dengan jawatankuasa Perhubungan Umno Negeri di kediaman Menteri Besar.

Selepas itu, Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN), akan menghadiri jamuan makan tengah hari bersama pemimpin BN negeri sebelum menutup secara rasmi kejohanan badminton Piala Perdana di Stadium Indera Mulia pada sebelah petang.

Kejohanan itu merupakan pertandingan badminton di kalangan isteri-isteri menteri dan wakil rakyat yang telah bermula pada Rabu lepas.

Pada sebelah malamnya, Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali akan menghadiri majlis makan malam sempena kejohanan itu dan meraikan 21 tahun perkhidmatan beliau sebagai Perdana Menteri di Dewan Banquet, Bangunan Perak Darulridzuan.

-- BERNAMA

AFY AR RHM